



CIMB

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN KHAS**

KURSUS	:	BAHASA KEBANGSAAN (A)
KOD KURSUS	:	MPU2043/MPU2013/MPW1113
PEPERIKSAAN	:	JUN 2016
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA(2)** bahagian: **BAHAGIAN A (50 Markah)**
 BAHAGIAN B (50 Markah)

2. Jawab **SATU(1)** soalan dari **BAHAGIAN A** dan jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN B**.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A: KARANGAN**ARAHAN:**

Bahagian A mengandungi DUA soalan . Jawab SATU soalan sahaja. Panjang karangan anda adalah TIDAK KURANG daripada 300 patah perkataan.

1. Kolej anda berhasrat mengadakan Program Sehari Bersama Cef yang melibatkan para pelajar dan pihak luar. Selaku setiausaha dalam program tersebut, anda dikehendaki menulis kertas kerja kepada pihak pengurusan kolej untuk mendapatkan kelulusan peruntukan tersebut.

Tulis kertas kerja itu selengkapnya.

2. Internet merupakan gedung ilmu yang tiada sempadan dan tiada tepinya. Penggunaannya memberi banyak faedah kepada pengguna. Namun begitu, penggunaan internet tanpa kawalan telah membawa impak negatif yang besar kepada anak watan di negara ini. Selaku pengguna internet anda ingin menulis rencana untuk terbitan akhbar *Berita Harian* tentang kesan-kesan penggunaan internet dan langkah-langkah mengawalnya.

Tulis rencana anda itu selengkapnya.

(Jumlah : 50 markah)

BAHAGIAN B: ISU-ISU TATABAHASA

ARAHAN:

Bahagian B mengandungi **LIMA** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1:

Anda dikehendaki mengenal pasti jenis-jenis ayat di bawah dan tuliskan jawapan pada ruangan yang diberi.

		Contoh Ayat	Jenis Ayat
1		Hal ini menjelaskan bahawa kesihatan mental amatlah penting dalam kehidupan seseorang.	
2.		Kamu hendak ke mana?	
3.		Kuala Lumpur yang pada asalnya merupakan sebuah kawasan yang kecil telah berkembang menjadi sebuah bandar yang pesat.	
4.		Mutakhir ini, remaja kurang menitikberatkan dan tidak mempedulikan penjagaan diri mereka.	
5.		Mereka menjadikan membaca sebagai satu keperluan hidup.	
6.		Kita tidak mahu sambutan hanya dijadikan sebagai acara tahunan semata-mata, tetapi pengisianya perlu memberikan faedah kepada semua pihak.	
7.		Langit makin cerah tetapi matahari masih di bawah ufuk.	
8.		Semua kedai ini berdekatan dengan Masjid King Hussein,	

		yang merupakan antara masjid tertua di sini.	
9.		Budaya berkawan di Pulau Pinang berbeza dari tempat lain.	
10.		Jangan mendengar khabar angin sebelum menyiasat kesahihan cerita tersebut.	

(10 Markah)

SOALAN 2:

Baca petikan di bawah. Senaraikan **sepuluh perkataan** yang merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris.

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Portal Property Guru Malaysia, tiga orang daripada empat orang rakyat Malaysia tidak berpuas hati dengan pasaran harta tanah semasa dan berpendapat bahawa harga semua harta tanah tanpa mengira saiz, kelas atau lokasi kini terlalu mahal. Hal ini juga memperlihatkan senario bahawa banyak individu yang beranggapan mereka tidak mampu memperoleh kelulusan pembiayaan kewangan bagi harta kediaman kerana harga harta tanah yang mahal ditawarkan oleh pemaju.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, komited untuk memastikan negara memberikan perhatian yang lebih signifikan kepada kesejahteraan rakyat. Hal ini termasuklah usaha untuk meningkatkan kemampuan rakyat membeli rumah dan memastikan harga rumah lebih stabil serta mengekang aktiviti spekulasi yang keterlaluan sehingga mengundang peningkatan harga aset kediaman yang mendadak.

(Disesuaikan daripada rencana
"Perkasakan Sektor Harta Tanah demi Kesejahteraan Rakyat",
Dewan Ekonomi, Disember 2015)

(10 Markah)

SOALAN 3:

Bahasa Melayu mempunyai pelbagai laras bahasa. Berikut adalah contoh petikan laras bahasa. Sila kenal pasti jenis laras bahasa tersebut.

	Contoh Petikan	Laras Bahasa
1.	Al-Ghazali menjelaskan bahawa antara tanda penyakit hati termasuklah tidak dapat mengenal Allah.	
2.	Matahari mula menampakkan diri. Aku masih berada di meja warung kedai kopi itu. Aku masih menanti kehadirannya.	
3.	Pada tahun 2016, pendapatan kerajaan dijangka menyusut melebihi RM30 bilion dan ini merupakan jumlah yang cukup besar bagi menampung belanjawan kerajaan.	
4.	Penguatkuasaan undang-undang juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan kawalan penyebaran penyakit ini tidak menular seperti yang termaktub dalam Akta Binatang 1953.	
5.	Rumah Dijual: Rumah Besar, Tanah Luas. Berdekatan dengan Pusat Perniagaan Utama.	

(10 Markah)

SOALAN 4

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang diberi.

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai perintis dalam dunia penerbitan buku di Malaysia bertitik tolak daripada pengubahan Akta DBP 1959 (Pindaan 1978) yang memperuntukkan mandat kepada DBP untuk "mencetak atau menerbitkan atau membantu usaha percetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan bentuk persuratan lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain". Buku terjemahan yang pertama, *Anak Raja dengan Anak Papa* (1958, terjemahan Za'ba), selain penerbitan majalah sulung, Dewan Bahasa (1957), yang diterbitkan ketika DBP masih beroperasi di Jalan Young, Kuala Lumpur, menjadi asas yang signifikan untuk DBP melunaskan amanah yang dipertanggungjawabkan, sekali gus menyediakan rintisan untuk mencorakkan dunia penerbitan di Malaysia bagi membangunkan tamadun bangsa.

Kerajaan Malaysia amat menyokong perkembangan industri buku dan undang-undang yang berkaitan dengan penerbitan bahan bercetak yang sedia ada di negara ini. Dasar kerajaan Malaysia, khususnya yang berkaitan dengan prinsip dan pendekatan Samudera Biru yang menggalakkan perkembangan kreativiti dan inovasi dalam kalangan masyarakat, secara tidak langsung dapat memantapkan industri penerbitan buku di Malaysia.

Malaysia sentiasa berusaha menobatkan industri penerbitan buku dengan kesedaran bahawa industri buku perlu diberikan perhatian yang utama memandangkan peranannya sebagai asas perkembangan dalam bidang yang mampu mengangkat pemerkasaan dan pengupayaan ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat. Pada masa yang sama, industri buku amat signifikan kepada kemajuan dan pertumbuhan negara, seiring dengan dasar kerajaan Malaysia untuk mentransformasikan Malaysia secara komprehensif menerusi Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi.

(Disesuaikan daripada rencana:
"Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam Penerbitan dan Penterjemahan",
Dewan Bahasa, November 2015)

- i. Jelaskan maksud kata "signifikan" yang terdapat dalam petikan di atas.
(2 Markah)
- ii. Berdasarkan petikan di atas, jelaskan peranan yang dimainkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kepada masyarakat dan negara.
(4 Markah)
- iii. Malaysia sentiasa berusaha menobatkan industri penerbitan buku dengan kesedaran bahawa industri buku perlu diberikan perhatian yang utama. Bincangkan inisiatif yang boleh diambil untuk mencapai matlamat tersebut.
(4 Markah)

(Jumlah : 10 Markah)

SOALAN 5:

Berikut adalah sepuluh kata majmuk yang dianggap sebagai kekecualian dan dieja secara rapat. Pilih **lima** daripada kata majmuk tersebut dan anda dikehendaki menulis ayat berdasarkan kata majmuk yang anda pilih.

- i. antarabangsa
- ii. warganegara
- iii. matahari
- iv. jawatankuasa
- v. tandatangan
- vi. tanggungjawab
- vii. kakitangan
- viii. setiausaha
- ix. sukarela
- x. olahraga

(10 Markah)